

# Rizab negara bukti pengukuhan ekonomi: PM

Oleh Kadir Dikoh

BH - 3 MAR 2000

KUALA LUMPUR, Khamis - Rizab negara yang mencapai tahap RM 124.9 billion (AS\$32.9 bilion) sehingga akhir Januari, menunjukkan pengukuhan pemulihan ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, apabila imbalan dagangan negara mencatat lebihan yang mana perolehan eksport melcibihi perbelanjaan ke atas import, lebihan itu didepositkan dengan Bank Negara Malaysia (**BNM**) dan menjadi sebahagian rizab negara.

"Rizab negara kita adalah benar, bukan berasaskan kepada duit hutang. Kita mendapat lebihan dagangan yang besar tahun lalu iaitu RM72.3 bilion. Ini memberi sumbangan kepada peningkatan dalam rizab negara," katanya selepas merasmikan seminar pengurusan Asean anjuran Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren), Jepun di sini, hari ini.

Rizab negara sekarang mencukupi untuk membiayai 6.4 bulan jumlah import. Lebihan dagangan tahun lalu adalah yang tertinggi pernah dicatatkan. Berikutan itu, imbalan bayaran bagi akaun semasa negara menyaksikan lebihan RM47.4 bilion tahun lalu.